

#IMDBWanted: SAMPEL LAPORAN POLIS

Pada [14 April 2016]¹ di [pejabat saya di Ibupejabat KEADILAN, Merchant Square, Petaling Jaya]² saya telah membaca Laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) Mengenai IMDB yang diperolehi dari laman web Parlimen Malaysia di <http://www.parlimen.gov.my/pac/review/docs-110-116.pdf>

Saya merujuk kepada mukasurat 8 hingga 14 laporan tersebut yang menghuraikan latar belakang penubuhan IMDB dan penerbitan Islamic Medium Term Notes (IMTN) iaitu bon hutang berjumlah RM5 bilion. Bon hutang RM5 bilion ini adalah hutang pertama yang diambil oleh IMDB dan dari pengetahuan saya melalui pembacaan di media mengenai IMDB, bon hutang RM5 bilion ini dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari Laporan PAC mukasurat 8 hingga 14 itu, saya memahami bahawa intipati siasatan PAC merumuskan perkara-perkara tersebut:

- i. Pengurusan IMDB pada ketika itu telah menandatangani perjanjian program dan pengeluaran jaminan kerajaan bagi bon hutang RM5 bilion ini tanpa mengikut terma dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Menteri Besar Diperbadankan (MBI Terengganu) iaitu pemegang saham pada ketika itu
- ii. Akibat pelanggaran seperti di dalam (i) di atas, Lembaga Pengarah pada ketika itu pada 22 Mei 2009 telah meluluskan tiga resolusi yang mengarahkan penggantungan penerbitan bon hutang RM5 bilion ini sehingga beberapa langkah untuk menguatkan tatakelola dan urustadbir (“good governance”) dilaksanakan terlebih dahulu
- iii. Walau bagaimana pun, pada 25 Mei 2009 iaitu tiga hari selepas resolusi mengarahkan penggantungan penerbitan bon hutang RM5 bilion dibuat, pengurusan IMDB melanggar arahan itu dengan menandatangani Perjanjian Langgan dengan Ambank

¹ Masukkan tarikh mula-mula membaca Laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC)

² Masukkan tempat di mana Laporan Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) itu dibaca

- iv. PAC telah mendapati Dato' Shahrol Azral sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada ketika itu telah melakukan kesalahan kerana menandatangani Perjanjian Langganan Bon Hutang RM5 Bilion tanpa apa-apa kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah
- v. Siasatan PAC mendapati bahawa penerbitan bon hutang RM5 bilion itu disegerakan (walaupun bertentangan dengan arahan Lembaga Pengarah) atas permintaan Penasihat Khas
- vi. Salah seorang dari Penasihat Khas yang dinamakan di dalam laporan ialah seorang yang bernama Low Taek Jho (atau lebih dikenali Jho Low)

Penemuan PAC yang dimuatkan di dalam laporannya dari mukasurat 8 hingga 14 itu menunjukkan beberapa tindakan atau keputusan yang melanggar undang-undang dan boleh disiasat di bawah Kanun Keseksaan, Akta Syarikat, Akta SPRM, akta-akta berkaitan penerbitan sekuriti dan akta-akta lain.

Sebagai rakyat Malaysia, saya berpendapat tindakan Jho Low sebagai Penasihat Khas TIA (kemudiannya IMDB) memberikan arahan kepada pengurusan IMDB untuk melanggar arahan Lembaga Pengarah dengan terus menerbitkan bon hutang RM5 bilion itu telah melanggar pelbagai undang-undang seperti di atas dan wajar disiasat segera.

Saya juga memohon supaya siasatan dibuat untuk menentukan bagaimana Jho Low boleh menjadi begitu berkuasa di dalam urusan TIA (kemudiannya IMDB) kerana pengaruhnya itu sering dikaitkan dengan hubungan rapat dengan keluarga Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak.

Saya membuat laporan ini untuk membantu siasatan polis yang kini sedang berjalan ke atas IMDB.